

Terma dan Syarat Khusus untuk Zest-i Account

A. CABUTAN HADIAH

1. Kelayakan

- 1.1. Cabutan Hadiah ini dianjurkan oleh Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran. Syarikat: 200701029411) (“**Bank**”). Dengan menyertai Cabutan Hadiah ini, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan keputusan yang dibuat oleh Bank.
- 1.2. Semua pelanggan yang memegang Zest-i Account yang baharu atau sedia ada (“**Akaun**”) (yang terdiri daripada individu atau pemegang akaun bersama) adalah layak untuk menyertai Cabutan Hadiah (“**Pemegang Akaun Yang Layak**”).
- 1.3. Hanya Pemegang Akaun Yang Layak dengan akaun yang aktif semasa tempoh Cabutan Hadiah sehingga pengkreditan hadiah (hadiah tunai) akan layak untuk menyertai Cabutan Hadiah. Akaun aktif ditakrifkan sebagai akaun dengan transaksi perbankan selama tempoh tiga (3) bulan secara berterusan atau tempoh yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara. Akaun yang tidak aktif (dorman) tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Cabutan Hadiah.
- 1.4. Akaun pelanggan yang telah meninggal dunia dan Akaun Beku adalah tidak layak untuk menyertai Cabutan Hadiah. Akaun Beku ditakrifkan sebagai akaun yang telah dihadkan atau digantung oleh Bank dari sebarang transaksi yang dijalankan termasuk pengeluaran wang (sepenuhnya atau untuk jumlah yang diperuntukkan), penerimaan deposit atau pelepasan atau cek yang diberikan pada akaun yang lebih diterangkan dalam “Terma dan Syarat bagi Akaun Pelaburan Mudarabah Perbankan Islam”.
- 1.5. Bagi Pemegang Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun utama sahaja akan menjadi Pemegang Akaun Yang Layak.
- 1.6. Kelayakan bagi semua Kakitangan Kumpulan Maybank merangkumi Malayan Banking Berhad, anak syarikatnya, syarikat-syarikat yang berkaitan dan yang berkait rapat termasuk Bank, yang merupakan Pemegang Zest-i Account sedia ada atau baru adalah dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Cabutan Hadiah, **KECUALI** kakitangan yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang untuk Cabutan Hadiah.

2. Mekanisma

2.1. Kategori Cabutan Hadiah

- i. Pemegang Akaun Yang Layak yang memenuhi kriteria Cabutan Hadiah bagi salah satu dari kategori berikut akan mendapat satu (1) ataupun berbilang penyertaan untuk kategori Cabutan Hadiah masing-masing:

a)Kategori “Hadiah Bulanan”

Kategori	Kriteria
Hadiah Bulanan	Untuk Cabutan Hadiah: <ol style="list-style-type: none"> a. Satu (1) penyertaan akan diberikan dengan setiap penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM200 bagi setiap bulan yang berkenaan; dan b. Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum RM200.
	Untuk Hadiah Jaminan: <ol style="list-style-type: none"> a. Hanya diperuntuk kepada 100 pendaftaran baharu yang terawal melalui e-KYC di MAE Apps bagi setiap bulan. b. Satu (1) penyertaan akan diberikan dengan setiap penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM500 bagi setiap bulan yang berkenaan; dan

	c. Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum RM500.
--	---

b) Kategori "Hadiah Suku Tahunan"

Kategori	Kriteria
Hadiah Suku Tahunan	a. Satu (1) penyertaan akan diberikan dengan setiap penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM300 bagi setiap bulan yang berkenaan; dan b. Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum RM300 sebelum akhir Tempoh Kelayakan untuk Hadiah Suku Tahunan.

c) Kategori “Hadiah Separuh Tahunan”.

Kategori	Kriteria
Hadiah Separuh Tahunan	a. Satu (1) penyertaan akan diberikan dengan setiap penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM400 bagi tiap bulan yang berkenaan; dan b. Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum RM400 sebelum akhir Tempoh Kelayakan untuk Hadiah Separuh Tahunan

d) Kategori "Hadiah Utama".

Kategori	Kriteria
Hadiah Utama	a. Satu (1) penyertaan akan diberikan dengan setiap penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM500 bagi setiap bulan yang berkenaan; dan b. Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum RM500 sebelum akhir Tempoh Kelayakan untuk Hadiah Utama

- ii. “Tempoh Kelayakan” diiktirafkan sebagai tempoh merangkumi satu tahun kalendar, bermula dari hari pertama Januari dan berakhir pada hari terakhir Disember. Sebarang hadiah yang diberikan kepada pemenang sebelum Tempoh Kelayakan dianggap sebagai hibah (hadiah) mengikut budi bicara Bank.
- iii. Penambahan BPH dalam Akaun merujuk kepada perbezaan dalam BPH pada bulan yang berkenaan berbanding dengan BPH dalam Akaun untuk bulan sebelumnya (“**Garis Dasar**”).
- iv. “**Garis Dasar**” diiktirafkan seperti di bawah:

NO.	JENIS PELANGGAN	GARIS DASAR
1	Pemegang Zest-i Account baharu	Garis dasar adalah RM 0
2	Pemegang Zest-i Account sedia ada	Garis dasar adalah Baki Harian Purata (BPH) bagi bulan lepas

- v. “**Purata Baki Harian**” ditakrifkan seperti di bawah:

NO	JENIS PELANGGAN	BUTIRAN
1	Pemegang Akaun Baharu	Bagi Akaun yang dibuka pada bulan-bulan yang tertentu, Baki Purata Harian (“BPH”) bagi bulan tersebut ditentukan dengan mengira jumlah setiap baki akhir harian bermula dengan hari akaun dibuka sehingga hari terakhir bulan kalendar.

2	Pemegang Akaun Sedia Ada	Bagi Akaun yang dibuka sebelum bulan-bulan yang tertentu, Baki Purata Harian (“BPH”) bagi Akaun untuk bulan tersebut ditentukan dengan mengira jumlah setiap baki akhir harian dalam Akaun tersebut; dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan kalendar tersebut.
---	--------------------------	---

2.2. Jadual di bawah menyediakan beberapa ilustrasi tentang cara-cara penyertaan Cabutan Hadiah boleh diperolehi:

TARIKH	BUTIRAN	PENYERTAAN CABUTAN HADIAH
Senario 1 - “Kategori “Hadiah Bulanan”.		
Pelanggan A adalah pelanggan baharu yang membuka Zest-i pada 1 Mei 2024.		
1 Mei 2024	Pelanggan A meletakkan RM5,000 ke dalam Zest-i Account.	1. Penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) <ul style="list-style-type: none"> BPH untuk Mei 2024 $= (19 \text{ hari} \times \text{RM}5,000) + 12 \text{ hari} \times \text{RM}6,000 + (1 \text{ hari} \times \text{RM}4,000) \div 31 \text{ hari}$ $= (\text{RM}95,000 + \text{RM}72,000 + \text{RM}4,000) \div 31 \text{ hari}$ $= \text{RM}5,516.13$ Garis dasar = RM 0 Penambahan BPH $= \text{RM}5,516.13 - \text{RM} 0$ $= \text{RM}5,516.13$ Penyertaan untuk Mei 2024 $= \text{RM}5,516.13 \div \text{RM}200$ $= \underline{\underline{27 \text{ penyertaan}}}$ 2. Baki Akhir Bulanan (“BAB”) <ul style="list-style-type: none"> BAB untuk Mei 2024 $= \text{RM}5,000 + \text{RM}1,000 - \text{RM}2,000$ $= \text{RM}4,000$ Oleh itu, melebihi minimum BAB RM200.
20 Mei 2024	Pelanggan A meletakkan RM1,000 ke dalam Zest-i Account.	
31 Mei 2024	Pelanggan A mengeluarkan RM2,000 daripada Zest-i.	

TARIKH	BUTIRAN	PENYERTAAN CABUTAN HADIAH
Senario 2 - Kategori "Hadiah Bulanan". Pelanggan B ialah Pelanggan sedia ada. Bagi bulan Mac 2024, Pelanggan B mempunyai Baki Purata Harian ("BPH") sebanyak RM 5,000 dan Baki Akhir Bulanan sebanyak RM 4,000 dalam Zest-i Account.		
1 April 2024	Pelanggan B meletakkan RM4,500 ke dalam Zest-i Account.	1. Penambahan Baki Purata Harian ("BPH") <ul style="list-style-type: none"> BPH untuk April 2024 $= [(21 \text{ hari} \times \text{RM}8,500) + (9 \text{ hari} \times \text{RM}8,000)] \div 30 \text{ hari}$ $= \text{RM } 8,350$ Garis Dasar April 2024 = RM 5,000 Penambahan BPH $= \text{RM } 8,350 - \text{RM } 5,000$ $= \text{RM } 3,350$ Penyertaan untuk kategori "Hadiah Bulanan" bagi April 2024 $= \text{RM } 3,350 \div \text{RM}200$ $= \textbf{16 penyertaan}$
22 April 2024	Pelanggan B mengeluarkan RM500 dari Zest-i Account	2. Baki Akhir Bulanan ("BAB") <ul style="list-style-type: none"> BAB untuk April 2024 $= \text{RM } 4,000 + \text{RM } 4,500 - \text{RM } 500$ $= \text{RM } 8,000$ Oleh itu, melebihi minimum BAB RM200.

TARIKH	BUTIRAN	PENYERTAAN CABUTAN HADIAH
Senario 3 - Kategori "Suku Tahunan", "Separuh Tahunan" dan "Hadiah Utama". Pelanggan C ialah pelanggan baharu yang membuka Zest-i Account pada 1 Oktober 2024.		
1 Oktober 2024	Pelanggan C meletakkan RM15,000 ke dalam Zest-i Account	1. Penambahan Baki Purata Harian ("BPH") a) Oktober 2024 <ul style="list-style-type: none"> BPH untuk Oktober 2024 = $[(19 \text{ hari} \times \text{RM}15,000) + (12 \text{ hari} \times \text{RM}16,000)] \div 31 \text{ hari}$ = $(\text{RM} 285,000 + \text{RM}192,000) \div 31 \text{ hari}$ = RM15,387.10 Garis dasar = RM 0 Penambahan BPH = $\text{RM}15,387.10 - \text{RM} 0$ = RM15,387.10 Penyertaan untuk kategori "Hadiah Bulanan" untuk Oktober 2024 = $\text{RM}15,387.10 \div \text{RM}200$ = <u>76 penyertaan</u>
20 Oktober 2024	Pelanggan C meletakkan RM1,000 ke dalam Zest-i Account	b) November 2024 <ul style="list-style-type: none"> BPH untuk November 2024 = $[(30 \text{ hari} \times \text{RM} 16,000) \div 30 \text{ hari}]$ = RM16,000 Garis dasar November 2024 = RM15,387.10 Baki Penambahan BPH = $\text{RM} 16,000 - \text{RM}15,387.10$ = RM 612.90 Penyertaan untuk kategori "Hadiah Bulanan" untuk November 2024 = $\text{RM} 612.90 \div \text{RM} 200$ = <u>3 penyertaan</u>
30 November 2024	Tiada rekod pengeluaran dari Zest-i Account sejak transaksi terakhir pada 20 Oktober 2024	c) Disember 2024 <ul style="list-style-type: none"> BPH untuk Disember 2024 = $[(15 \text{ hari} \times \text{RM}16,000) + (16 \text{ hari} \times \text{RM}26,000)] \div 31 \text{ hari}$ = $(\text{RM}240,000 + \text{RM}416,000) \div 31 \text{ hari}$ = RM21,161.29 Garis dasar Disember 2024 = RM612.91 Baki Penambahan BPH = $\text{RM}21,161.29 - \text{RM}612.91$ = RM20,548.38 Penyertaan untuk kategori "Hadiah Bulanan" untuk Disember 2024
16 Disember 2024	Pelanggan C meletakkan RM10,000 ke dalam Zest-i Account.	

		<p>= RM20,548.38 ÷ RM200 = <u>102 penyertaan</u></p> <p><u>Pengiraan Penyertaan Cabutan Suku Tahun</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • BPH untuk Suku Tahun (Oktober - Disember 2024) <p>= [(19 hari x RM15,000) + (12 hari x RM16,000) + (30 hari x RM16,000) + (15hari x RM16,000) + (16 hari x RM26,000)] ÷ 92 hari = (RM 285,000 + RM192,000 + RM480,000 + RM240,000 + RM416,000) ÷ 92 hari = RM1,613,000 ÷ 92 hari = RM17,532.60</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan untuk kategori "Hadiah Suku Tahun". <p>= RM17,532.60 ÷ RM300 = <u>58 penyertaan</u></p> <p><u>Pengiraan Penyertaan Cabutan Separuh Tahun</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • BPH untuk SeparuhTahun (Oktober - Disember 2024) <p>= [(19 hari x RM15,000) + (12 hari x RM16,000) + (30 hari x RM 16,000) + (15 hari x RM16,000) + (16 hari x RM26,000)] ÷ 184 hari = (RM 285,000 + RM192,000 + RM480,000 + RM240,000 + RM416,000) ÷ 184 hari = RM1,613,000 ÷ 184 hari = RM8,766.30</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan untuk kategori "Hadiah Separuh Tahunan" <p>= RM8,766.30 ÷ RM400 = <u>21 penyertaan</u></p> <p><u>Pengiraan Penyertaan Cabutan Hadiah Utama</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • BPH untuk Hadiah Utama (Oktober - Disember 2024) <p>= [(19 hari x RM15,000) + (12 hari x RM16,000) + (30 hari x RM16,000) + (15 hari x RM16,000) + (16 hari x RM26,000)] ÷ 366 hari</p> <p>= (RM285,000 + RM192,000 + RM480,000 +RM240,000 + RM416,000) ÷ 366 hari = RM1,613,000 ÷ 366 hari = RM4,407.10</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan untuk kategori "Hadiah Utama". <p>= RM4,407.10 ÷ RM500 = <u>8 penyertaan</u></p>
--	--	---

		<p>2. Baki Akhir Bulanan (“BAB”)</p> <ul style="list-style-type: none"> • BAB untuk Oktober 2024 = RM15,000 + RM1,000 = RM16,000 • BAB untuk November 2024 = RM16,000 • BAB untuk Disember 2024 = RM16,000 + RM10,000 = RM26,000 <p>Oleh itu, melebihi minimum BAB RM300 untuk Suku Tahun, RM400 untuk Separuh Tahunan dan RM500 untuk Hadiah Utama.</p>
--	--	--

3. Hadiah dan Pemenang

- 3.1. Pemegang Akaun Yang Layak hanya berhak mendapat maksimum: -
- i. Satu (1) hadiah di bawah kategori "Hadiah Bulanan" setiap bulan; dan/atau
 - ii. Satu (1) hadiah di bawah kategori "Hadiah Suku Tahun" setiap Tempoh Kelayakan.
 - iii. Satu (1) hadiah di bawah kategori "Hadiah Separuh Tahunan" setiap Tempoh Kelayakan.
 - iv. Satu (1) hadiah di bawah kategori "Hadiah Utama" setiap Tempoh Kelayakan.
- 3.2. Cabutan Hadiah akan dijalankan dalam tempoh 90 hari perniagaan selepas akhir setiap bulan kalendar dalam Tempoh Kelayakan atau mana-mana tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh Bank.
- 3.3. Semua pemenang hadiah akan dimaklumkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas cabutan hadiah melalui laman sesawang Maybank di www.maybank2u.com.my dan/atau melalui mana-mana saluran lain yang dipertimbangkan sesuai mengikut Bank. Bank berhak untuk menggantikan hadiah dengan mana-mana item yang bersamaan nilai, bergantung kepada ketersediaan stok. Untuk Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun Utama akan dimaklumkan.
- 3.4. Pemenang bulanan tidak akan layak untuk cabutan bulanan selama tiga (3) bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, pemenang bulanan masih layak untuk cabutan Suku Tahunan, Separuh Tahunan dan Hadiah Utama.
- 3.5. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pemilihan pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat pada Pemegang Akaun dan sebarang surat-menyurat yang lanjut dan/atau rayuan-rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan.
- 3.6. Pemenang bagi Cabutan Hadiah dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan Butiran Hubungan mereka kepada vendor untuk pemenuhan dan/atau pendaftaran Hadiah.
- 3.7. Hadiah tidak boleh ditebus atau ditukar dengan mana-mana item lain atau dengan wang tunai. Pemenang Hadiah mesti menerima hadiah "sebagaimana ada" dan mesti mengakui bahawa Bank tidak bertanggungjawab atas nilai hadiah-hadiah atas sebab variasi harga di pasaran semasa penebusan/kutipan hadiah oleh pemenang pada masa yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.8. Pemenang tidak dibenarkan memilih atau menukar warna, jenama, atau model Hadiah. Sekiranya Pemenang mengemukakan bantahan terhadap mana-mana syarat yang diberikan oleh Bank, pihak Bank berhak untuk membatalkan Hadiah dan memilih Pemenang alternatif. Selain itu, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah dan/atau memilih Pemenang lain jika Pemenang asal gagal menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau menyertai acara-acara berkaitan lain sebagaimana yang diperlukan oleh Bank.

- 3.9. Bank berhak untuk membatalkan sebarang Hadiah yang diberikan jika Pemenang terlibat dalam tingkah laku yang tidak sesuai, membuat tuntutan yang tidak wajar, atau menunjukkan sebarang kelakuan yang tidak terpuji terhadap Hadiah atau acara yang berkaitan. Dalam keadaan sedemikian, Bank boleh memilih Pemenang alternatif atas budi bicaranya.
- 3.10. Penghantaran Hadiah hanya sah untuk alamat pos yang berada di dalam Malaysia, dan tidak sah untuk alamat pos di luar Malaysia dan alamat Peti Surat (P.O. Box). Pemenang dengan alamat pos di luar Malaysia perlu menyediakan alamat pos yang berada di dalam Malaysia, atau mengambil Hadiah tersebut dari cawangan Bank yang berkaitan dengan akaun pemenang.
- 3.11. Untuk mengambil Hadiah, Bank mungkin memerlukan Pemenang untuk menyediakan beberapa dokumen untuk tujuan pengesahan. Jika Pemenang menghantar wakil pihak ketiga, satu surat kuasa bertulis mesti disediakan oleh Pemenang untuk penamaan wakil tersebut.
- 3.12. Tuntutan Hadiah Tunai mesti dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan oleh Bank. Sebagai contoh, pemenang untuk bulan Januari 2024 yang mana pemberitahuan di buat pada bulan Mac 2024, harus menuntut hadiah mereka dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan dibuat iaitu tidak lebih dari bulan Jun 2024.
- 3.13. Sebarang tuntutan Hadiah Bukan Tunai mesti dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan oleh Bank. Sebagai contoh, pemenang untuk bulan Januari 2024 yang mana pemberitahuan di buat pada bulan Mac 2024, harus menuntut hadiah mereka dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan dibuat iaitu tidak lebih dari bulan Jun 2024.
- 3.14. Sekiranya pemenang meninggal dunia selepas pemberitahuan pemenang hadiah, waris, wakil sah, dan/atau pentadbir si mati boleh menuntut Hadiah Tunai dan Bukan Tunai dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan, JIKA GAGAL, Bank mempunyai budi bicara untuk menguruskan hadiah termasuklah menarik semula dan/atau memilih mana-mana orang lain sebagai pemenang hadiah mengikut mana-mana yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 3.15. Imej hadiah (jika ada) dalam mana-mana risalah, pemasaran atau bahan Cabutan Hadiah yang berkaitan dengan Cabutan Hadiah adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 3.16. Hadiah-hadiah tidak termasuk sebarang aksesori atau item yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan dan/atau bahan promosi kerana ia hanya adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 3.17. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kewajipan cukai yang mungkin timbul dari hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai (jika ada) disebabkan oleh sebarang penguasaan cukai hasil daripada penerimaan hadiah tetap menjadi tanggungjawab Pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah untuk mendapatkan nasihat cukai tersendiri mengenai kemungkinan tanggungjawab cukai yang ada terhadap situasi kewangan mereka.
- 3.18. Sebarang pertikaian berkaitan dengan kualiti, kebolehdagangan, dan/atau waranti Hadiah (jika berkaitan) hendaklah diselesaikan secara langsung oleh Pemenang dengan peniaga/pembekal tanpa melibatkan Bank. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang isu berkaitan kualiti atau waranti hadiah atau sebarang terma dan syarat yang berkaitan.
- 3.19. Hadiah akan diagihkan/diedarkan/dikreditkan ke dalam akaun Pemenang dalam tempoh sembilan puluh (90) hari perniagaan dari bulan berikutnya dari pemberitahuan pemenang atau pada tarikh-tarikh yang mungkin ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya.
- 3.20. Peruntukan Khas untuk Hadiah: Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan hadiah, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, atas budi bicaranya.
- 3.21. Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Mengenai Akaun Pelaburan Mudarabah bagi Perbankan Islam.

4. Terma dan Syarat Umum

- 4.1. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan apa-apa jenis kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara yang sama bukan disebabkan oleh Bank.
- 4.2. Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Cabutan Hadiah ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan berhak untuk mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) terdahulu mengenainya, yang mana notisnya hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan sesuai oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Akaun Yang Layak untuk dimaklumkan atau sebaliknya mendapatkan sebarang notis yang disiarkan secara sah.
- 4.3. Dengan menyertai Cabutan Hadiah ini, Pemegang Akaun Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala untuk melihat terma dan syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- 4.4. Dengan menyertai Cabutan Hadiah ini, Pemegang Akaun Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan bersetuju serta membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank menurut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my (“Penyata Privasi Maybank”) dan Borang untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang untuk Pelanggan Individu di bawah PDPA 2010, Pemegang Akaun Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank untuk:

- a) tujuan Cabutan Hadiah; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung dengan Cabutan Hadiah.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (*Personal Data Protection Act*) (2010).

- 4.5. Bank dan pegawai, pekhidmat, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat oleh Bank untuk tujuan Cabutan Hadiah ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun Yang Layak dalam Cabutan Hadiah ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan Cabutan Hadiah ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuai atau peninggalan yang teruk oleh Bank.
- 4.6. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran obligasinya di bawah Cabutan Hadiah ini disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan kepada tindakan Tuhan, kekacauan awam, peperangan, mogok, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang kejadian dan keadaan walau apapun sifat yang di luar kawalan yang munasabah Bank

- 4.7. Bank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pemegang Akaun Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Cabutan Hadiah dan/atau prosesnya atau operasi Cabutan Hadiah ini yang termasuk termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Cabutan Hadiah ini
- 4.8. Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Cabutan Hadiah ini, sila hubungi talian hotline Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Bank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.